

**NALURI KEMASYARAKATAN MENGANGKAT KEUNGGULAN  
KEPENGARANGAN MUHAMMAD HJ SALLEH TERHADAP  
PEMBANGUNAN MINDA BANGSA MELAYU**  
*SOCIETAL INSTINCT GLORIFYING MUHAMMAD HAJI SALLEH  
EXPERIENCE LITERATURES TOWARD THE MALAYS  
INTELLECTUAL DEVELOPMENT*

*Ghazali Din\**

*\*ghazali\_din@fbk.upsi.edu.my*

*A.Halim Ali*

*halim.ali@fbk.upsi.edu.my*

*Fakulti Bahasa dan komunikasi*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.*

**ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengkaji sumbangan dan kepengarangan Sasterawan Negara Muhammad Hj Salleh sebagai seorang penyair yang mengangkat martabat jati diri Melayu. Muhammad Hj Salleh memberi sumbangan yang besar terhadap pembangunan minda masyarakat Melayu menerusi puisi-puisinya. Kajian berbentuk kepustakaan dan kualitatif menggunakan Model Proses Kreatif Teks naluri yang menggabungkan Teori *Teksdealisme* dan Teori *Tipa Induk* (Carl Gustav Jung) sebagai landasan analisis. Data dianalisis secara deskriptif berdasarkan puisi-puisi terpilih Muhammad Haji Salleh yang mempersembahkan dimensi pemikiran yang mencerminkan kesedarannya terhadap pembangunan minda bangsa Melayu. Kreativiti Muhammad Haji Salleh menghasilkan puisi-puisi berpaksikan sosial memperlihatkan sumbangan Muhammad Haji Salleh sebagai pengarang intelektual Melayu yang berjaya membina hubungan antara pengarang, teks dan pembaca. Rupa sosialisasi Melayu diungkapkan Muhammad Haji Salleh secara halus hingga mencapai tahap keunggulan dalam kepenyairan dan kepengarangannya. Kajian mendapati sumbangan Muhammad Haji Salleh terhadap pembangunan minda dan peradaban Melayu merentasi benua menerusi puisi-puisinya.

Kata kunci: Keunggulan; Kepengarangan; Minda; Bangsa Melayu.

**ABSTRACT**

*This research aimed to analyze contributions and literatures of Malaysian National Laureate Muhammad Haji Salleh as a poet who has raised the dignity of the Malay identity. Muhammad Haji Salleh contributes to the development of the mind of the Malay community through his poems. The studies were in the form of qualitative collection and utilise Creative Process Model "Teks naluri" that combined "Teori Teksdealisme and "Teori Tipa Induk" (Carl Gustav Jung) as a platform for analysis. The data was analyzed descriptively based on poetry-selected poems of Muhammad Haji Salleh who performed the dimensions of thinking that reflects his consciousness towards the development of the minds of the Malays. The creativity of Muhammad Haji Salleh to produce poems based on social issues shows his contribution of Muhammad Haji Salleh as a successful Malay intellectual an author that manage to create the relationship between the author, the text and the reader. The appearances of Malay socialization are subtly shown by Muhammad Haji Salleh to achieve a level of excellence in the literatures. Studies show that the contribution of Haji Muhammad Salleh to the development of mind and Malay civilization across the continent all over the world through his literatures.*

*Keywords: Excellence, Literatures, mind, the Malay race.*

## **PENGENALAN**

Sebuah karya sastera adalah cerminan perasaan manusia yang terkesan oleh rangsangan naluri. Emosi atau perasaan wujud oleh desakan-desakan naluri atau berlakunya pertentangan dengan naluri. Perasaan marah wujud apabila naluri pengarang terganggu atau diasak oleh perbuatan yang mendorong dirinya marah. Dalam proses kreatif kepengarangan, naluri kepengarangan seorang pengarang secara fitrah membentuk naluri-naluri melalui pemerhatian (kepekaannya). Sohaimi Abdul Aziz (2001) menyatakan bahawa kesusasteraan merupakan wadah fikiran dan perasaan yang dijalin oleh bahasa yang indah, manakala Ali Imron Al-Ma'ruf (2016) menyatakan bahawa karya sastera merupakan karya imajinatif yang lazimnya menggunakan media ekspresi berupa bahasa dengan fungsi estetikanya yang dominan.

Puisi adalah medium untuk membina hubungan secara langsung sewaktu pembaca memperoleh pengalaman estetik ketika membaca sesuatu karya. Karya kreatif perlu mempunyai elemen pertemuan naluri pengarang dan naluri pembaca memberi kesan jangka panjang kepada jiwa pembaca. Tetapi pada masa yang sama mementingkan keindahan, falsafah, kesenimanian serta matlamat kepengarangan sahaja. Dalam konteks ini, Rahayu Akhesah & Mohd Rosli Saludin (2016) yang mengkaji seni artistik penyair Rahman Shaari berpendapat puisi penuh dengan maksud tersurat dan tersirat yang mengandungi idea dan semangat pengarangnya dalam menyampaikan sesuatu.

Seseorang pengarang kreatif memiliki pengalaman yang unik sehingga terciptanya sesebuah karya. Tidak semua khalayak mengetahui bagaimana proses kreatif itu dilalui pengarang sepanjang dia bergelumbang dengan pelbagai situasi, konflik, perasaan, serta hambatan waktu. Secara fitrah, setiap pengarang berkeinginan suara hatinya dibaca, dihayati dan didengari. Pengarang adalah pemberi mesej kepada pembaca. Pengarang bertanggungjawab menyampaikan makna teks kepada pembaca. Namun, terdapat karya yang tidak memberi apa-apa makna kepada pembaca kerana kesukaran pembaca mentafsirkan makna teks tersebut hingga tidak menyentuh jiwa dan perasaan pembaca.

Sesebuah teks yang terhasil dari aliran surealisme, absurdisme, dan abstrak sukar difahami maknanya oleh pembaca, kerana berlaku jurang perbezaan komunikasi dalam aspek kefahaman mesej dan makna teks. Mengapakah hal ini terjadi? Harus difikirkan bahawa terdapat kemungkinan pengarang tidak menghiraukan kepentingan karya yang bersifat komunikatif untuk mengubah persepsi, minda masyarakat.

Muhammad Haji Salleh, penyair yang memberi sumbangan yang besar dalam dunia kesusasteraan tanah air khususnya genre puisi. Umumnya, dunia kesusasteraan itu sendiri berperanan penting menyuburkan kehidupan dan pemikiran semua masyarakat di dunia ini. Setiap negara memiliki ikon-ikon kesusasteraannya yang menjadi sanjungan dan diberikan tempat sewajarnya dalam kalangan masyarakat. Pengarang-pengarang negara berkenaan diangkat, dijulung malah dihargai menerusi kajian, penganugerahan serta pengiktirafan sehingga nama mereka diingati sepanjang zaman. Di negara ini, nama Muhammad Haji Salleh sudah tidak asing lagi dalam mencorakkan dunia perpuisian. Seorang pengarang yang membesar dalam alam dan didikan Melayu berjaya meneroka kesusasteraan Barat dan kemudian kembali kepada akar kemelayuan. Kepengarangan Muhammad Haji Salleh sudah mencapai beberapa fasa dan sehingga mencapai fasa keunggulan. Keunggulan yang dimaksudkan adalah dari aspek kepengarangan iaitu pengiktirafan serta keunggulan menampilkan puisi-puisi yang bersifat kemasyarakatan. Hal ini adalah kelangsungan daripada perjalanan hidup yang dibinanya sendiri yang meneroka kesusasteraan merentasi benua.

Dalam situasi, sentuhan naluri pengarang seakan tidak sampai kepada pembaca untuk memberi kesan perasaan jika dihalang oleh ketidakfahaman walaupun ia mencabar pemikiran. Graham Wallas (1949) memetik pandangan Tchhehov's (1920) bahawa naluri artis (termasuk pengarang) kadangkala mempunyai nilai seperti otak seorang saintis kerana terdapat persamaan matlamat serta menggunakan kuasa imaginasi yang sukar dibayangkan secara nyata. Sebuah karya kesusasteraan perlu dekat dengan masyarakat, kerana segala yang terkandung dalam karya asalnya daripada kisah-kisah masyarakat serta pengalaman yang dilalui pengarang. Karya sastera mempunyai nilai estetika atau keindahan dan ia perlu dinikmati oleh pembaca. Pembaca berhak menikmati pengalaman estetik pengarang.

## **MUHAMMAD HAJI SALLEH DALAM KESUSASTERAAN MALAYSIA**

Kehadiran Muhammad Haji Salleh ke dalam dunia kesusasteraan tanah air, adalah suatu keistimewaan dan kelebihan dalam konteks pengukuhan martabat kesusasteraan Melayu. Muhammad Haji Salleh masih aktif menulis, konsisten serta masih giat berkongsi ilmu dan pandangannya di majlis-majlis anjuran pelbagai pihak termasuk Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), universiti-universiti awam serta badan-badan penulis atau kesusasteraan.

Muhammad Haji Salleh memperoleh pelbagai pengiktirafan dan penghargaan sama ada di dalam atau di luar negara. Selain pernah menerima Anugerah Sastera Negara (ASN) pada tahun 1991, Muhammad Haji Salleh juga adalah penerima Anugerah SEA Write dari kerajaan Thailand pada tahun 1997 serta penerima Anugerah Sastera MASTERA 2014. Muhammad Haji Salleh hanya memilih satu genre penulisan sahaja iaitu puisi sejak mula berkarya sehingga kini.

Sebagai seorang penyair, sarjana dan intelektual kesusasteraan, Muhammad Haji Salleh mencetuskan teori *Puitika Sastera Melayu* menerusi bukunya *Puitika Sastera Melayu* (2005). Teori yang dikemukakannya memberi sumbangan besar dalam memajukan perkembangan teori sastera Malaysia tanpa bergantung kepada teori-teori sastera Barat sahaja.

Muhammad Haji Salleh adalah ahli akademik, penyair pengembara dan penakluk benua yang luas menempuh ruang keilmuan dan pengkajiannya. Muhammad Haji Salleh menggunakan sebahagian besar usianya untuk perjalanan dan membangunkan pengalaman kreatifnya dari daerah kelahiran menjelajah seluruh tanah air berlanjutan seantero dunia. Tempat-tempat yang dilawati atau atas tugas melatari puisi-puisinya. Sehingga kini Muhammad Haji Salleh menjelajah hampir 60 buah negara yang mencetuskan idea penulisan.

Beliau pernah memenangi “Hadiah Sastera Asean” di Jakarta. Beberapa buah puisinya telah memenangi Hadiah Karya Sastera (1971) ; Hadiah Sastera Asean bahagian puisi dengan kumpulan puisi beliau *Perjalanan Si Tenggang II* (1977) dan dinobatkan sebagai penerima Anugerah Sastera Negara pada tahun 1991. Pernah menjadi Presiden Persatuan Penterjemah Malaysia, Presiden Persatuan Folklore Malaysia (PFM) ini antara Sasterawan Negara yang masih aktif menyampaikan ceramah dan berkongsi pengalaman serta pandangannya. Beliau adalah kolumnis ruangan *Selingkar Bundaran Kata* (Dewan Sastera), *Autobiografi* (Dewan Sastera) dan *Kembara Seorang Penyair* (Dewan Budaya).

Muhammad Haji Salleh terkenal dengan puisi-puisi yang terkesan oleh pengembaraan dan perjalanan. Hal ini berlaku dipengaruhi oleh latar pendidikan yang dijalannya sepanjang kehidupan dari kampungnya di Taiping hinggalah ke luar Negara khususnya Amerika Syarikat. Dalam penciptaan puisinya, bukan sahaja dipengaruhi oleh pemikiran (alam sadar), namun terdapat dorongan lain demi membangunkan minda bangsa Melayu iaitu alam bawah sadar. Jiwanya tetap jiwa Melayu, walaupun pada peringkat memasuki dunia kesusasteraan diresapi latar luar negara. Puisi-puisinya mengangkat persoalan kemasyarakatan yang digerakkan oleh naluri kemasyarakatan. Malah, William Wordsworth (dalam Brewster Ghiselin, 1983) berpendapat puisi yang baik adalah luapan yang spontan dari perasaan-perasaan yang kuat.

“...Puisi adalah luapan dari perasaan-perasaan yang kuat; asalnya adalah dari emosi yang dikumpulkan kembali dalam keadaan tenang –sunyi ; emosi itu direnungkan, sampai dengan sejenis reaksi, ketenangsunyian itu beransur-ansur menghilang, dan satu emosi yang sama dengan itu, yang dulunya pernah muncul di muka subjek renungan, secara beransur-ansur dilahirkan dan sebenarnya memang ada dalam jiwa sendiri”.

(Brewster Ghiselin, 1983:176)

Justeru, Muhammad Haji Salleh memiliki misi membangunkan minda bangsa Melayu, sama ada didorong oleh pemikiran semata-mata atau oleh intuisi pengarang sendiri. Naluri jika dikaitkan dengan diri seorang penyair, penyair bukan sahaja menggunakan akal dan fikiran untuk berkarya, malah berdasarkan naluri dan perasaan yang dimilikinya secara fitrah. Seorang penyair dalam proses kreatifnya menggunakan kekuatan naluri ketika berkarya dalam menaakul segala pengalaman, kejadian dan tingkahlaku manusia. Naluri memperlihatkan kemampuan memahami sesuatu tanpa

melalui strategi rasional dan intelektual. Ketajaman intuisi dalam membaca kehidupan memberi kekuatan terhadap seorang pengarang kreatif kerana proses kepengarangan adalah proses penaakulan. Makalah dan kajian ini menjawab segala persoalan itu.

### **NALURI KEMASYARAKATAN DALAM MODEL PROSES KREATIF TEKSNALURI**

Penciptaan karya kreatif tidak sahaja disebabkan rangsangan dari fikiran pengarang yang menggunakan otak kanannya, namun terdapat pengaruh intuisi (gerak hati). Dari intuisi itu terdapat apa yang dinamakan “Naluri” (*instinct*) yang bermaksud desakan atau dorongan hati yang menggerakkan seseorang untuk membuat sesuatu termasuklah menulis karya kreatif. Ia juga dianggap melaksanakan sesuatu, tabiat semula jadi, adat yang diwarisi turun temurun atau tradisi (*Kamus Dewan*, 2010:167). Naluri ialah sifat yang dapat menimbulkan perbuatan yang menyampaikan pada tujuan terfikir lebih dahulu ke arah tujuan itu tanpa didahului latihan perbuatan itu. Hilgard (1979) menyatakan naluri ialah kuasa semula jadi biologi yang mendorong seseorang bertindak mengikut sesuatu cara, manakala Lindgren (1976) meganggap naluri timbul hasil daripada keperluan manusia untuk memelihara dan meneruskan kehidupan. Naluri juga dibicarakan dalam buku *Manusia dan Islam* oleh Haron Din (2015) yang dikaitkan juga dengan nilai.

“...Naluri itu menggerakkan manusia bertindak dan berbuat. Tujuan tindakan dan perbuatan itu mewujudkan keselamatan atau kesenangan. Falsafah teori nilai berpendapat lain tentang motif atau penggerak tindakan. Yang menggerakkan tindakan dan perbuatan ialah nilai, tujuannya mewujudkan nilai hakiki bagi manusia, tidaklah terdapat pertentangan antara tingkah laku dan perbuatan manusia yang digerakkan naluri keselamatan dan kesenangan dengan yang digerakkan oleh nilai.”

(Haron Din, 2015:1164)

Dalam konsep psikoanalisis, naluri dianggap sebagai tenaga psikik bawah sedar yang diberi atas naluri kehidupan (*eros*) dan naluri kematian (*thanos*). Selain itu, naluri turut dianggap sebagai dorongan hati atau nafsu yang dibawa sejak lahir, pembawaan alami yang tidak disedari mendorong untuk berbuat sesuatu. Setiap kelakuan manusia lahir dari suatu kehendak yang digerakkan oleh naluri (*instinct*). Clelland, David C. (1987) memetik pandangan McDougall (1908) yang berpendapat setiap kelakuan yang bersifat naluriah membolehkan seseorang mengetahui sesuatu serta perasaan untuk ke arah lebih baik.

Kajian Ghazali Din (2016) yang mencetuskan Model Proses Kreatif Teksnaluri terhasil daripada gabungan Teori *Teksdealisme* janaan Abdul Rahman Napiah atau Mana Sikana dan Teori Tipa Induk (Arketaip) oleh Carl Gustav Jung. Frasa Teksnaluri dicipta dalam kajian berkenaan berdasarkan gabungan perkataan ‘teks’ dan ‘naluri’ yang membawa maksud sesebuah teks yang mengandungi pernyataan (diksi-diksi), lambang-lambang atau tanda yang berasaskan kepada naluri (gerak hati) pengarang yang diterapkan dalam karya hingga memberi kesan kepada perasaan pembaca.

Konsep Teksnaluri adalah gagasan bahawa sifat sesebuah karya kesusasteraan yang dihasilkan mempunyai ciri-ciri bahasa komunikatif berlandaskan keinginan semula jadi manusia yang terpancar melalui pernyataan perasaan (emosi) melalui sesebuah karya dengan menggunakan bahasa yang indah (estetik), berfalsafah serta mengandungi pemikiran yang memberi kesan kejiwaan kepada khalayak. Karya-karya kreatif keseluruhannya mempunyai sentuhan ketujuh-tujuh naluri kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, keindividualan, keintelektualan, kealaman serta keindahan yang menunjangi proses penciptaan karya.

Puisi yang terhasil daripada naluri pengarang lahir dari sentuhan jiwa dan perasaan secara bawah sedar. Ini kerana kajian ini mengesan sajak-sajak Muhammad Haji Salleh yang memancarkan perasaan (bawah sedar) yang bertitik tolak daripada naluri (bawah sedar). Hal ini kerana pemikiran bawah sedar adalah kebenaran dan kejujuran pernyataan mesej yang ingin disampaikan oleh penyair yang melalui satu proses yang dipanggil naluri. Ia bersifat fitrah dan dizahirkan oleh pengarang menerusi karya.

Karya yang berasaskan naluri memberi kesan emosi kepada pembaca berbanding karya yang langsung tidak mengambil kira sensitiviti khalayak pembaca. Prinsip kepengarangan bahawa karya dihasilkan untuk seni semata-mata tidak meresapi jiwa khalayak pembaca kerana tidak bersifat komunikatif dan tidak memenuhi gagasan model Proses Kreatif Teks naluri. Teks naluri mengambil kira faktor pengarang menghasilkan karya untuk menyampaikan mesej yang boleh memberi impak psikologi kepada kehidupan khalayak. Naluri yang tercetus pada diri pengarang harus memiliki keupayaan berkomunikasi dengan naluri pembaca untuk membina keseragaman melalui karya.

Terdapat beberapa pandangan tentang pengaruh terhadap tingkah laku dan tindakan manusia. Calhoun & Acocella (1990) menyatakan, 'tingkah laku manusia tidak dikawal oleh pemikirannya yang rasional tetapi dikawal terutamanya oleh naluri tidak rasional, iaitu naluri melangsang dan naluri seksual'. Menurut beliau, tingkah laku manusia digerakkan oleh naluri melangsang (*aggressive*) dan naluri seksual. Freud (1946) berpendapat naluri manusia ialah tenaga bawah sedar yang diwarisi bagi menggerakkan tingkah lakunya. Azizi Yahya (2004) menjelaskan naluri bertindak untuk memuaskan kehendak-kehendak tubuh badan dan ia menimbulkan rasa seronok. Apabila tingkah laku tidak dapat dilakukan, maka rasa tidak seronok akan timbul. Naluri dan persepsi merupakan daya khas yang dimiliki oleh semua makhluk yang memiliki *psikhe*, dalam rangka mempertahankan hidup dan melangsungkan kehidupannya pada alam ini.

Naluri kehidupan yang dimaksudkan oleh Freud adalah naluri yang ditunjukkan pada tahap ego (*the conservation of the individual*) dan juga pemeliharaan kelangsungan jenis (*the conservation of the species*). Freud menyatakan naluri yang wujud pada diri manusia adalah tenaga bawah sedar yang diwarisi bagi menggerakkan tingkah laku. Bertens K. (2002) pula menjelaskan, Freud membahagikan naluri kepada naluri kehidupan dan naluri kematian. Freud berpendapat bahawa naluri-naluri yang terdapat pada manusia dibezakan oleh dua naluri iaitu kehidupan (*life instincts*) dan juga naluri kematian (*death instincts*).

Dalam konteks psikoanalisis, Sigmund Freud berpendapat naluri terbahagi kepada dua jenis iaitu naluri hidup (*Libido* atau *Eros*) dan naluri mati (*Thanatos*). Naluri hidup merupakan naluri yang sentiasa berusaha untuk melanjutkan kehidupan manusia. Menurut Lindgren (1976), naluri timbul hasil daripada keperluan manusia untuk memelihara dan meneruskan kehidupan.

Dalam proses kreatif seorang pengarang, aspek dalaman diri seperti naluri adalah fitrah sebelum terbinanya sebuah karya. Ia berupa desakan- desakan dari perasaan dan hati pengarang untuk berkarya dan darinya karya yang terhasil memberi kesan kepada perasaan pembaca karya berkenaan. Naluri wujud sebagai jambatan komunikasi antara pengkarya, karya dan pembaca dengan berlakunya penerapan perasaannya dalam karya menerusi bahasa yang digunakan. Ahmad Kamal Abdullah (1990) berpendapat seniman kreatif banyak mengemukakan rasa intuitif (naluri) dan seninya, sedangkan peneliti atau seorang pengkaji lebih kepada faktual akliah dan sedapat-dapatnya mencuba pula berlaku objektif. Dengan hal yang demikian, seseorang itu dapat meningkatkan kreativiti diri termasuk dalam hal penciptaan karya kreatif. Bagi Henri Bergson (1983) pula, beliau menyatakan bahawa:

“Such, then, are the two divergent modes of knowledge by which intelligence and instinct must be defined, from the standpoint of knowledge rather than that of action”.


(Henri Bergson, 1983:150)

Koettjaraningrat (1986) menyatakan unsur-unsur keperibadian adalah pengetahuan, perasaan, dan dorongan naluri. Prinsip berkarya berasaskan kemasyarakatan juga terpancar pada kelompok sasterawan Angkatan Sasterawan '50 atau ASAS 50 di Singapura yang berpegang kepada prinsip kepengarangan “Seni Untuk Masyarakat”. Berkarya bukanlah untuk menyanjung seni itu semata-mata, malahan matlamat kepengarangan adalah demi mengangkat persoalan masyarakat yang rencam dan beronak-duri. Hal ini bertepatan dengan pandangan Mana Sikana (2013) bahawa melihat sastera tidak sahaja harus dilihat daripada aspek nilai dalaman atau tekstual sahaja tetapi kontekstual atau nilai luaran. Puisi tumbuh dari pohon pengalaman peribadi penyair atau hutan pengalaman orang lain yang berkibar dalam kata lisan atau aksara (Muhammad Haji Salleh, *Aksara Usia*, 2005:xiii).

Nilai-nilai pendidikan juga dapat diterapkan kepada masyarakat jika puisi yang dihasilkan itu bersifat komunikatif dan menyentuh jiwa pembaca. Keindahan teks tidak memberi makna apa-apa kepada pembaca, jika ia tidak dapat menghubungkan pemahaman pembaca dengan teks. Sebuah karya perlu sampai kepada tahap kefahaman pembaca dan emosi supaya mempunyai kejiwaan. Menurut Braginsky (1994) keindahan sesebuah karya sastera, dipercayai boleh mempengaruhi jiwa seseorang dan mempunyai kuasa penyembuh; tetapi kesan keindahan itu yang lebih penting dan lebih utama ialah faedah (manfaat) yang terkandung di dalamnya.

## METODOLOGI


Tulisan dan kajian ini berasaskan model Proses Kreatif Teks naluri iaitu gabungan teori *Teksdealisme* dan Teori Tipa induk. Teori *Teksdealisme* lebih menjurus kepada aspek luaran diri pengarang dan teori Tipainduk memberi penekanan kepada alam bawah sadar. Hasil gabungan, maka tercetuslah apa yang dinamakan konsep Teks naluri. Teks naluri adalah gabungan perkataan 'Teks' dan 'naluri'. Gagasan ini bagaimanapun, akan memberi kesimpulan baharu daripada teori *Teksdealisme* (Mana Sikana) dan teori Tipainduk (Carl Gustav Jung) serta beberapa model proses kreatif lain termasuk Graham Wallas untuk meninjau aspek kepengarangan dan proses kreatif. Siti Hawa Munji dan Ma'rof Redzuan (1990) menyatakan Freud menerusi Teori Psikodinamik menyatakan bahawa fikiran manusia diibaratkan ais terapung (iceberg) seperti dalam Rajah 1:



Rajah 1: Sedar, Prasedar dan Bawah Sedar  
(Siti Hawa Munji dan Ma'rof Redzuan, 1990:143)


Ia membawa maksud tahap sedar hanya sedikit sahaja berada di atas permukaan tetapi sebahagian besar bahagian berada di bawah permukaan iaitu pra sedar dan bawah sedar. Freud mendakwa bahawa sebahagian besar daripada fikiran, imej, fobia dan keinginan kita yang mendalam berada di bawah permukaan sedar yang dinamakan sebagai bahagian pra-sedar dan bawah sedar. Keinginan disifatkan sebagai naluri dalaman diri seseorang yang digerakkan secara pra-sedar dan bawah sedar. Ia boleh dianggap sebagai fikiran pra-sedar seperti apa yang dimaksudkan oleh Freud iaitu mengandungi unsur pengalaman yang tidak disadari tetapi boleh dibawa kepada kesedaran secara mudah dengan memberi fokus kepadanya (Siti Hawa Munji & Ma'rof Redzuan, 1992:143).

Teks naluri mengklasifikasikan sajak-sajak Muhammad Haji Salleh yang menjurus kepada proses separa sedar (subconscious) walaupun Muhammad Haji Salleh. Dalam Model Proses Kreatif Teks naluri terbahagi kepada Naluri Kerohanian, Naluri Kemanusiaan, Naluri Kemasyarakatan, Naluri Keindividualan, Naluri Keintelektualan, Naluri Kealaman dan Naluri Keindahan.



**Rajah 2: Konsep Teksnaluri**

Kesemua naluri ini digerakkan oleh bawah sedar (perasaan) yang mendorong seseorang pengarang mencetuskan idea awal pengkaryanya. Model Proses Kreatif Teksnaluri berusaha menjelaskan hubungan pengarang dengan karya serta pembaca berasaskan naluri. Ia dibangunkan bagi menjadi landasan dalam proses kreatif pengarang dalam berkarya yang dipengaruhi oleh mana-mana naluri dalam memperolehi idea awal.



**Rajah 3: Model Proses Kreatif Teksnaluri**

Dalam kajian ini tumpuan diberikan kepada naluri kemasyarakatan sebagai proses kreatif Muhammad Haji Salleh dalam mencorakkan kepengarangannya mengangkat minda Melayu. Naluri dalam konteks konsep Teksnaluri mempertembungkan naluri pengarang dan naluri pembaca.

**PENGARUH NALURI KEMASYARAKATAN MUHAMMAD HAJI SALLEH TERHADAP PENCIPTAAN PUISI MENYENTUH ASPEK MINDA MELAYU**

Seni apabila dikaitkan dengan karya sastera, di dalamnya mengandungi persoalan-persoalan sosial, ekonomi, budaya, ketamadunan bangsa, malah berkemampuan mengubah pemikiran dan amalan

seharian masyarakat. Dalam situasi sastera sebagai alat yang boleh mengubah struktur dan pemikiran masyarakat, hakikat ini sudah wujud pada era kebangkitan nasionalisme zaman kolonial, pascakolonial dan pasca moden. Ia lebih terkesan pada karya-karya beraliran realisme. Dharmawijaya (1987) menyatakan bahawa penyair berasa perlu untuk mendedahkan kepincangan masyarakat seperti soal kemiskinan, rasuah, eksploitasi, dadah, keruntuhan moral dan lain-lain kepalsuan manusia dan memprotes unsur-unsur yang kontra keadilan.

Oleh hal yang demikian, naluri kemasyarakatan seorang penyair ditafsirkan sebagai keinginan penyair menyampaikan segala pengalaman atau pengamatan yang akan dilihatnya tentang perlakuan masyarakat yang tidak boleh dipisahkan dengan idea penciptaan pengarang. Setiap penyair mempunyai keinginan untuk meluahkan perkara dilihat, dirasai, dialami dan didengari daripada orang-orang di sekelilingnya dengan menggunakan segala pancainderanya. Penyair akan mencipta aksara bermula daripada suara batinnya sendiri secara bawah sedar atau separa sedar. Naluri mencetuskan ilham untuk penyair menzahirkan luahan dalam bentuk penulisan sajak. Dengan penghasilan sajak tersebut, maka penyair sudah merealisasikan keinginan naluri yang didesak berdasarkan perasaannya sendiri.

Suara batiniah itulah yang menyaksikan kelangsungan dalam penciptaan yang tidak semata-mata kerana proses berfikir yang berlaku secara sedar. Faktor bawah sedar lebih ikhlas, jujur dan realistik untuk menjadikan sesebuah karya yang dicipta itu mempunyai kekuatan mempengaruhi jiwa khalayak. Sebagai seorang manusia sensitif, penyair juga bertindak sebagai pengkritik dan penilai masyarakatnya. Penyair berani untuk menyuarakan pandangan disebabkan desakan nalurinya yang memerlukan bersuara. Penyair mengamati secara halus perubahan-perubahan dan mena'akul masa depan masyarakat, bangsa dan negaranya. Penyair menimbulkan isu-isu masyarakat dan bersifat mengimbangi ketempangan sosial dengan ungkapan-ungkapan sinis, dan protes. Naluri kemasyarakatan merangsang penyair mendedahkan permasalahan sebahagian masyarakat seperti penyelewengan, ketidakadilan, kepincangan, kelemahan, kesusilaan, serta sosial remaja, melalui sajak-sajak yang ditulis, dibaca dan dideklamasi di pentas sebagai ekspresi jiwa prihatin mereka.

Penyair memiliki naluri yang tajam dan perasa membongkar dan memperhalusi nasib bangsanya demi menuntut kebenaran. Penyair harus menyuarakan kepentingan dan masa depan masyarakat serta nilai-nilai kemasyarakatan secara jujur dan terus dari nalurinya supaya dapat diambil perhatian dan tindakan. Naluri kemasyarakatan penyair kerana masyarakat adalah kehidupan penyair itu sendiri. Sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat, penyair adalah pencerah kepada kesuraman masyarakat melalui proses kreatif yang panjang dan pengorbanan tenaga walaupun imbuhan tidak setimpal dengan nilai karyanya. Naluri kemasyarakatan yang merasahkan mendesak penyair untuk bangkit bersuara dari hati, perasaan dan fikirannya demi masyarakat.

Penyair yang baik sentiasa memihak dan bersuara bagi pihak masyarakatnya. Dalam hal ini, puisi menjadi medium penyair menyampaikan amanat dan pesanan hingga berjaya mencipta bersifat realiti sosial masyarakat, tetapi juga memancarkan status sosial pengarang atau penulisnya, ideologi, pemikiran, serta kritiknya terhadap masyarakat sesuai dengan peranan sastera yang memberi gambaran kehidupan dan pernyataan sosial. Sajak dihasilkan oleh penyair untuk dinikmati, difahami, dan dimanfaatkan oleh masyarakat untuk masa sekarang dan akan datang. Selepas ketiadaan penyair, sajak-sajak dari naluri dan suara hatinya akan terus dibaca dan dikaji. Dalam penciptaan, perkara-perkara yang berhubungan dengan kemasyarakatan dibauri unsur-unsur ilusi dan imaginasi pengarang untuk memberi kesan sebagai karya kreatif.

Oleh hal yang demikian, peristiwa yang berlaku dalam masyarakat akan menjadi inti pati serta bahan sumber untuk sesebuah karya sastera. Naluri kemasyarakatan juga muncul kerana pengalaman penyair yang merasai apa yang dirasai masyarakat secara realiti. Walaupun, kehidupan masyarakat boleh dijadikan sumber inspirasi, penyair berhak memilih bahan-bahan itu sendiri supaya sesuai dengan konteks semasa. Dengan kehadiran naluri kemasyarakatan, penyair mempunyai kesedaran untuk membawa pembaharuan, perubahan dan keunikan dalam penghasilan karyanya supaya khalayak pembaca dapat merasai sendiri proses yang dialami oleh penyair.

Manusia adalah makhluk sosial yang sentiasa ingin mendampingi orang lain dan berada di tengah-tengah masyarakat. Malah, masyarakat adalah kumpulan manusia yang hidup bersama (di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu), serta pergaulan hidup, budaya, pemikiran manakala kemasyarakatan mencerminkan keadaan masyarakat atau yang berkaitan dengan masyarakat. Setiap



individu dalam masyarakat mempunyai kemahuan dan kemampuan yang berbeza. Oleh sebab itu, manusia perlu hidup secara berkelompok untuk membentuk masyarakat dan saling bergantung hidup.

Penyair memiliki sensitiviti tersendiri untuk menapis beberapa peristiwa yang berlaku dalam masyarakat untuk dijadikan bahan penulisan. Penyair perlu mempunyai kesedaran dan penggerak dalam diri untuk membuat pertimbangan yang bijak dalam penulisan dengan mengikut hubungan manusia dengan manusia yang ditentukan oleh sedikit sebanyak oleh norma kemasyarakatan. Menurut Micheal Jeraffa (1973), karangan penulis (termasuk penyair) adalah ekspresi realiti, sebahagian daripadanya telah diwarisi daripada keturunannya dan sebahagiannya lagi daripada pemerhatian penulis sendiri. Penyair dengan bijaksana dan intelektual mengadun naluri yang hadir dalam jiwa untuk mengolah karyanya yang terakam dalam mindanya secara puitis dan indah.

Oleh kerana naluri bermaksud penggerak, keinginan atau daya yang hadir dalam diri untuk direalisasikan atau dilaksanakan, maka jika dikaitkan dengan tingkah laku manusia, manusia inginkan kehidupan bermasyarakat sebagai kehidupan sosial atau kehidupan berkelompok. Ini bermakna naluri kemasyarakatan memberikan gambaran yang nyata tentang hidup, masyarakat dan dunianya yang ditulis dalam bentuk karya sama ada puisi, cerpen, novel atau drama.

Justeru, Muhammad Haji Salleh dikesan antara penyair Melayu yang sensitif dengan persoalan dunia kemelayuan. Bagi Muhammad Haji Salleh, selain sastera Barat (Amerika atau Eropah), sastera dari dunia Melayu itu sendiri juga harus dikagumi. Umpamanya Tun Seri Lanang yang menghasilkan *Sulatus Salatun* (Sejarah Melayu) diangkatnya sebagai insan genius Melayu kerana ditemuinya bakat besar, dalam bertebaran persoalan yang luas dan tema besar yang universal dan peribadi, julat watak, pelakon sejarah serta perbahasan istimewa yang terlentur untuk berbagai persoalan, suasana, dan situasi (Muhammad Haji Salleh, 2008:9).

Muhammad Haji Salleh mengkagumi Tun Seri Lanang yang tajam melihat sejarah sebagai seorang moralis Melayu yang mengemukakan pendekatan moral yang dipandang sebagai lebih filosofis dan berakar kepada pandangan hidup orang Melayu. Muhammad Haji Salleh juga menekuni memperkatakan Hikayat Hang Tuah wira budaya Melayu dan lalu disimpulkannya Hang Tuah sebagai wira teragung bangsa Melayu.

Pantun antara khazanah budaya Melayu yang diperjuangkan Muhammad Haji Salleh. Beliau menyedari hakikat falsafah Melayu-Nusantara dalam pantun yang memiliki perasaan dan nilai, etika dan unggulnya. Melayu dan alam tidak dapat dipisahkan. Muhammad Haji Salleh turut memperkatakan kebijaksanaan dan kearifan yang wujud dalam hal orang Melayu lewat puisi-puisi tradisional seperti pantun. Muhammad Haji Salleh menyelami dunia pantun kanak-kanak, dunia kerja, dunia percintaan, dunia merisik/meminang, dunia dunia persembahan/hiburan, pantun perubatan/mantera, pantun peribahasa dan adat, dunia dakwah/agama, serta dunia ucapan. Menurut Muhammad Haji Salleh (2008), pantun ialah hasil dunia dan budaya lisan, dan setelah masyarakat mula menyimpan khazanahnya dan juga hidup dalam dunia berhuruf, pantun juga berkembang di dunia ini.

Dalam konteks Teori *Teksdealisme*, peralihan daripada berada di tengah gelanggang sastera Barat berubah kepada sastera Melayu itu sendiri mencerminkan pelanggaran yang membawa kepada keunggulan Muhammad Haji Salleh. Diterokanya teks *Sejarah Melayu* hingga terhasil kumpulan *Sajak-sajak Sejarah Melayu* (1981) yang dikerjakannya selama tujuh tahun membuktikan pusingan pemikiran yang dilakukannya demi jiwa dan minda Melayu. Kumpulan puisi itu mengandungi 34 Ceritera yang disedut daripada kisah-kisah dalam *Sejarah Melayu*. Muhammad Haji Salleh mencurahkan harapan yang tinggi memartabatkan pantun sebagai alat pemeriksaan minda Melayu itu sendiri.

Dalam dunia teori kesusasteraan, Muhammad Haji Salleh antara Sasterawan Negara yang mencetuskan teori sastera tempatan iaitu teori *Puitika Sastera Melayu* yang dijadikan landasan dalam mengkaji puisi. Kehadiran teori ini berguna kepada sarjana dan mahasiswa pascasiswazah dalam melengkapkan kajian terhadap puisi-puisi Melayu. Ia satu sumbangan kesarjanaan yang besar terhadap kemajuan kesusasteraan Melayu malah mencerminkan keunggulan minda anak Melayu.

Menghargai ketekunan Muhammad Haji Salleh mengangkat kesusasteraan Melayu menerusi ribuan puisinya, tahun 2014, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) menerbitkan himpunan puisi-puisinya merusi buku *Jatuh Ke Laut Menjadi Pulau: Sajak-sajak Lengkap Muhammad Haji Salleh* (Tiga Jilid). Kumpulan ini menghimpunkan puisi-puisi yang pernah ditulisnya dalam semua

buku yang dihasilkan sebelum ini. Demikian penghargaan terhadap seorang penyair yang giat menggerakkan pemikirannya dalam penciptaan. Puisi-puisinya berbicara melingkari persoalan Melayu dan masa depan budaya dunia serta mengucapakan hati nurani dari perspektif anak Melayu yang kental dan berprinsip.

Naluri kemasyarakatan Muhammad Haji Salleh yang menyentuh persoalan kehidupan dan geografi, alam dan bangsa Melayu dapat dilihat pada puisi-puisi yang berjudul “Negaraku”, “Dalam”, “Kata Purba”, “Martabat”, “Mahsuri”, “Guruku”, “Pulang Si Tenggang (buat Baha Zain)”, dan “Pulang”. Puisi “Pengait Tua”, umpamanya bertolak dari premis naluri kemasyarakatan yang menyingkapkan perasaan kasih sayang seorang ibu terhadap anak dan cucunya. Melayu begitu sensitif dalam persoalan harapan, penantian, kasih sayang dan kerinduan dalam mengukuhkan kekeluargaan.

### **Pengait Tua**

seorang wanita usang  
hampir terlipat di bangku pantai,  
kakinya terbenam  
di warna pasir kasar.

dengan benang putih  
dijalinkan  
masa sudahnya,  
dan dengan benang hitam  
dia mengikat  
pucuk, ranting dan kelopak  
bunga mimpinya,  
anak yang jauh  
sepi-rindu malamhari,  
cucu yang tak tiba  
waktu dicita.

seharian dia di bangku kecil hijau,  
di antara kesibukan manusia,  
dia mengait dunianya.

Penulisan puisi yang mengangkat persoalan kemasyarakatan dilihat ideal dengan setiap pengarang kerana menepati kehendak dan citarasa pembaca. Persoalan kemasyarakatan dilihat relevan pada semua zaman kerana hidup secara bermasyarakat adalah hal yang dalaman diri yang bersifat fitrah. Naluri seorang penyair bergerak atas rasa tanggungjawab sesama manusia dan mencapai matlamat kepengarangannya.

Persoalan kemasyarakatan adalah salah satu sisi yang sehati dan akrab dengan mana-mana pengarang. Hakikatnya, persoalan kemasyarakatan relevan keinginan penyair untuk bersuara dan berjuang dalam kelompok masyarakatnya demi kebajikan dan ada kalanya penyair menjadi begitu berani menghadapi sebarang risiko. Seorang penyair sentiasa berusaha memilih kata-kata paling tepat menyusun diksi supaya naluri kemasyarakatannya sampai secara komunikatif atau berselindung di balik lambang-lambang dan makna yang berlapis-lapis.

Umar Junus (1986) menyatakan dalam konteks seni moden, daya cipta dan kreativiti terletak pada diri seorang seniman dengan tanggapan individu hingga memungkinkan ia berbeza dengan seniman yang lain. Mengikut Teori Marx, penciptaan karya sastera dipengaruhi oleh sosiobudaya pengarang itu sendiri. Teori itu menganggap sastera dapat dikesan dari dasar material masyarakat iaitu ras, waktu dan lingkungan. Ras dianggap sebagai sifat kejiwaan turun-temurun, perasaan, bentuk tubuh dan sebagainya. Konsep ini bertepatan dengan prinsip yang dipegang Jung iaitu dalam penciptaan seseorang itu dibayangi pengalaman atau apa yang dialami masa lalu. Justeru, pengarang

menghasilkan puisi bukan sahaja berdasarkan tanggapannya sahaja, tetapi nalurinya tercetus disebabkan oleh pendapat umum (*public opinion*).

Pengamatan, penelitian dan kepekaan penyair terhadap persekitaran kehidupannya merakam segala yang berlaku menjadi sumber inspirasi penulisannya. Penyair mempunyai kesedaran sosial untuk menjadikan bahan penulisannya sebagai sumber pengajaran kepada sesiapa yang membaca dan menghayati penulisannya. Sebagai kesimpulannya, naluri kemasyarakatan perlu hadir dalam diri setiap penyair atau penulis.

Penghasilan puisi oleh Muhammad Haji Salleh berkait rapat dengan masyarakat. Penyair memiliki perasaan dan keinginan iaitu naluri untuk mengungkap segala peristiwa yang dialami dalam bentuk kata-kata dari apa yang dilihat. Naluri kemasyarakatan mempengaruhi kepengarangan Muhammad Haji Salleh yang berpendapat sastera mendidik masyarakat kepada nilai-nilai yang dianggap mulia termasuk memikirkan akar Melayu bangsanya. Sastera mengajar masyarakat menghormati orang lain, menghargai budi baik, mengasihi orang tua dan mengingatkan tentang keburukan menderhaka. Menerusi sastera, masyarakat diajak bermurah hati, jangan memfitnah, sebaliknya menjaga kemuliaan diri, memupuk sifat rajin, bijaksana dan beratus-ratus nilai dan petunjuk lainnya (Muhammad Haji Salleh, 2006: 35).

Muhammad Haji Salleh seorang penyair yang mampu menyesuaikan dirinya dengan segala keasingan yang singgah dalam kehidupannya. Prinsip menerima situasi baharu adalah digerakkan oleh naluri kemasyarakatan. Berada di luar negara bertahun-tahun dengan keasingan dari budaya Melayu akhirnya mendorong Muhammad Haji Salleh kembali merenung persoalan bangsanya yang tidak kurang hebat. Sajaknya 'Hari hujan di Leiden' (*Buku Perjalanan Si Tenggang ii*, 1975) mencerminkan prinsip keberanian di negara jauh walaupun berseorangan di tengah masyarakat asing.

### **Hari hujan di Leiden**

Air mengalir ke air awan dan parit memberi dan menerima  
hujan yang datang degan musim bunga.  
Ini hari untuk itik-itik  
yang tahu akan kesenangannya,  
Bukan untuk manusia  
yang cepat basah dan dingin.

Seharian hujannya, turun dari awan yang  
tak putus mengangkut air. tali air memanjat ke tebing  
lidahnya menjilat bata-bata di jalan atau perut-perut jambatan. rumah-rumah yang girang  
warnanya jadi muram dan sepi.  
alam dan kota kepunyaanmu sekarang, hujan,  
biar aku melihat  
dari belakang cermin, manusia kecil  
yang sudah belajar menerimamu.

(Muhammad Haji Salleh, 1975:11)

Ilmu yang dimiliki Muhammad Haji Salleh membuka ruang menjengah persoalan melangkaui benua dan menduniakan kesusasteraan Melayu. Naluri kemasyarakatan menguasai proses kreatif Muhammad Haji Salleh dan mendominasi puisi ciptaan selain naluri kealaman. Puisi menjadi penghubung dirinya dengan masyarakat dan sebagai penyair, itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab kepengarangannya. Muhamad Haji Salleh merenguni budaya dan kehidupan di United Kingdom, Belanda, Scandinavia, Itali, dan Amerika Syarikat dan kebanyakan Negara Asia Tenggara, India, Korea, Jepun. Perjalanan ini membentuk dirinya sebagai penyair masyarakat yang sangat sensitif.

Menurut Muhammad Haji Salleh ada semacam ketagihan terhadap kembara dan tanpa kembara dirinya menjadi gelisah. Muhammad Haji Salleh sekali-kali tidak gemar mengukir kata-kata yang baris-barisnya berendamkan perasaan muda dan mudah walaupun sajak merujuk kepada

perasaan. Hal ini kerana kebimbangan Muhammad Haji Salleh wawasan terhadap kehidupan mungkin lemas di dalam puisi seumpamanya. Jika situasi itu wujud pada puisi-puisi awalnya, baginya itu tidak lebih hanya sebagai satu latihan menulis. Dalam puisi 'Kata Indah' (Muhammad Haji Salleh, 2005), Muhammad Haji Salleh menceritakan tentang perhubungan manusia. Perhubungan yang diselangi dengan pembohongan dan perbuatan mengampu antara satu pihak kepada pihak yang lain. Secara jelas Muhammad Haji Salleh mendedahkan hal yang demikian itu melalui penggunaan rangkai kata seperti 'najis kenyataan' dan 'kata indah dalam mangkuk madu'. Hubungan antara insan perlu dilandasi kejujuran melalui perbuatan iaitu kata-kata. Rangkai kata 'najis kenyataan' tidak mencerminkan kejujuran dalam percakapan dan naluri kemasyarakatan Muhammad Haji Salleh mengungkapkan:

### **Kata Indah**

kata indah yang dipersembah  
dalam mangkuk madu,  
sayang,  
tumpah pada najis kenyataan.

(Muhammad Haji Salleh, 2005:35)

Konsep kemasyarakatan harus dimuliakan oleh kejujuran tanpa ada perasaan yang berjangkang-balik. Naluri kemasyarakatan Muhammad Haji Salleh dalam sajak "Kata Indah" bersuara tentang pujian-pujian di hadapan Kata-kata manis yang diucapkan boleh sahaja berubah musuh hingga bahasa sendiri yang dijulang tidak berupaya mematahkan hujah.

Dalam konteks kritikan moral, Muhammad Haji Salleh melahirkan keresahan terhadap nasib dan masa depan bangsanya. Secara ironis, isu bahasa yang dipinggirkan Muhammad Haji Salleh mencetuskan rasa marah terhadap yang tidak memahami. Sebagai seorang penyair Melayu yang prihatin terhadap permasalahan moral masyarakat di sekelilingnya, Muhammad Haji Salleh merasakan tanggungjawab untuk bersuara menerusi sajak akan terus dilakukannya. Bersesuaian dengan masyarakat tradisional Melayu terdahulu yang aktif menggunakan puisi sebagai wadah pembentukan moral masyarakat, Muhammad Haji Salleh juga cenderung untuk berkarya bagi melontarkan rasa serta isu moral yang berleluasa di dalam masyarakat kini. Beliau cuba berbicara tentang golongan tersebut dalam sajak 'Makhluk Malam' (Muhammad Haji Salleh, 1996) yang merupakan manusia-manusia tidak bermoral yang aktif pada waktu tengah malam seperti dalam petikan puisinya:

### **Makhluk malam**

tiada hukum  
pada cita,  
tiada etika pemagar nilai.  
Angan menghalalkan pisau,  
tusuk belakang atau muka.

(Muhammad Haji Salleh, 1996:52)

Puisi 'Makhluk malam' (Muhammad Haji Salleh, 1996) ditonjolkan imej golongan tidak bermoral dengan harapan agar masyarakat dapat berfikir dan mengambil iktibar di sebalik apa yang diutarakan. Bagi menimbulkan unsur moral yang tidak beretika masyarakat itu, Muhammad Haji Salleh menggunakan istilah-istilah yang menggambarkan unsur-unsur negatif di dalam sajak tersebut seperti "tiada etika", "pisau", "kelu", "penuh takut" dan "seragam hitamnya". Puisi 'Digetap Pengetahuan' (Muhammad Hj Salleh, 2005), membawa persoalan kuasa kegigihan dan berwawasan menyentuh naluri Muhammad Haji Salleh. Kegigihan adalah kekuatan kepada perjuangan mencapai sesuatu matlamat atau kejayaan yang tidak mudah dicapai.

### **Digetap Pengetahuan**

tamadun bukanlah longgok harta  
yang ditemui di tepi lebuah raya.

(Muhammad Hj Salleh, 2005:105)

Muhammad Haji Salleh mengajak masyarakat berfikir dan merenung tentang harga dan nilai tamadun yang kita miliki. Tamadun tidak dibina dengan mudah dan bukanlah seperti 'longgok harta, yang ditemui di tepi lebuah raya'. Tamadun semestinya disedari semua betapa sukar dibina dan perlu berprinsip dalam mempertahankannya. Terlalu banyak negara yang dibanggakan ketamadunan, akhirnya menemui kehancuran kerana tidak bijak mempertahankannya. Daya taakulan Muhammad Haji Salleh terhadap nasib tanah airnya terlalu jauh dan tajam. Kesedihan penyair digarap penuh puitis dan melankolik tentang nasib tamadun dan terus diucapkannya seperti bait-bait di bawah;

kurasa tulang digetap ngilu dan kulit  
mengendur dari mudanya namun  
masih bukan waktu untuk bersara  
dari nilai  
dan cinta manusia.

(Muhammad Hj Salleh, 2005:105)

Dalam kumpulan sajaknya yang berlatar masyarakat di negara Jepun, Muhammad Haji Salleh menjadi pemerhati yang tajam. Dalam kumpulan sajak *Salju Shibuya* (2004), petikan sajak 'Musim Panas xvii', Muhammad Haji Salleh mengungkapkan:

### **Musim Panas - xvii'**

tidurku lebih dalam,  
maling tidak mengintip jalan – polis setia pada panggilannya.

jenayah dikurung nilai, rasuah ditenung kejujuran  
pembunuh diusut ke pisau peristiwa.

negeri yang bangga diri tidak menempatkan pencuri pada kerusi pengerusi.

kuasa dijinjing pada tunduk tanggungjawab  
kerana demokrasi bermata selaksa.

(Muhammad Haji Salleh, 2004:9-42)

Dalam sajak 'Musim Panas xvii' dipaparkan tentang masyarakat yang adil, bertanggungjawab dan penuh kejujuran. Muhammad Haji Salleh menikmati lena yang tenang dan lambang kejujuran pemimpin jelas pada rangkai kata "negeri yang bangga diri/tidak menempatkan pencuri/pada kerusi pengerusi". Pengerusi dianalogikan kepada pemimpin negara yang bersih dari penyelewengan. Undang-undang negara Jepun tegas terhadap penjenayah dan undang-undang dilaksanakan dengan baik mengikut bidang kuasa masing-masing. Selain itu, demokrasi juga dijalankan secara menyeluruh di situ yang mana semuanya mempunyai hak sama rata dalam membuat keputusan dan menerima hak yang sewajarnya. Sesiapa juga sama ada orang bawahan atau atasan yang melakukan sebarang kesalahan jenayah, hukuman tetap dikenakan ke atas mereka tanpa pengecualian.

### **Musim Panas – xlvi**

tidak perlu beralih jiwa  
dan bersalin rupa  
jika mahu hadir di depan,  
jepun menyatakannya  
sewaktu tunduk menunjuk contoh.

diri tegak  
yang berpijak kepada banir pengalaman  
adalah anak masa depan.

ketelitian lama mencari penyelidikan baru  
kesabaran yang diawasi menjadi ilmu  
hormat alam menyederhanakan,  
masyarakat ditenteramkan, selalu.

(Muhammad Hj Salleh, 2004:41)

Sajak 'Musim Panas – xlvi' di atas mengisahkan tentang bagaimana masyarakat yang mementingkan kesederhanaan. Muhammad Haji Salleh menceritakan bahawa masyarakat Jepun sentiasa mempamerkan identiti diri walaupun berdepan dengan pelbagai situasi. Identiti diri masyarakat ditunjukkan melalui contoh sikap yang baik dan merendah diri dalam pelbagai perkara yang dilakukan. Hal ini ingin dibawa Muhammad Haji Salleh untuk mengingatkan bangsa Melayu dalam melayari kehidupan menjadi bangsa yang hebat. Hal ini yang harus direnungi bangsa Melayu.

Puisi ini mengisahkan tentang masyarakat Jepun yang tidak melupakan asal usul kehidupan seperti memiliki nilai kesederhanaan dalam kehidupan. Masyarakat yang ingin berjaya perlu melalui kehidupan yang sebenar yang tidak hanya dibentangkan kesenangan semata-mata tetapi pelbagai pahit manis kehidupan. Hal ini dapat mengingatkan masyarakat supaya sentiasa hidup dalam kesungguhan dalam melakukan sesuatu kerja sehingga ia menjadi budaya dalam kehidupan. Nilai kehidupan yang dimiliki tidak boleh dipinggirkan sebaliknya menjadi kebanggaan. Ini yang membolehkan masyarakat Jepun maju dan terkenal di mata dunia dan dalam masa sama menghargai nilai budayanya yang dicontohi masyarakat Melayu. Mempertahankan jati diri adalah persoalan sangat mencabar yang sedang melanda masyarakat dan bangsa Melayu hari ini.

Dalam bukunya *Dunia ialah Sebuah aksara: esei-esei sastera antarabangsa* (DBP, 2017), koleksi esei-esei yang tersiar dalam ruangan "Selingkar Bundaran Kata" majalah Dewan Sastera Muhammad Haji Salleh membentangkan pengalamannya bersama pengarang-pengarang besar antarabangsa termasuk Nusantara dalam konteks dunia Melayu. Esei berjudul Mencari Naskhah Melayu Tulen" diselungkannya maklumat tentang bagaimana naskhah Melayu dicarai, ditemui, dibeli dan dipelihara dari Perpustakaan British melarat ke Sumatera Barat. Begitu gerak peribadi Muhammad Haji Salleh mencari makna minda Melayu dari naskhah yang menjadi khazanah bangsa sangat bernilai. Pengalaman bertemu sendiri penyair besar Indonesia, Sitor Situmorang selama dua jam, adalah pengalaman bernilai mentafsir minda penyair itu yang gemar bercakap tentang bahasa hingga ditemui ungkapan Sitor bahawa "...bahasa Melayu mencipta (bangsa) Melayu". Justeru, bahasa Melayu seharusnya dipertahankan dan diagungkan.

### **KESIMPULAN**

Muhammad Haji Salleh memiliki semangat anak Melayu yang kental berbicara dan memperjuangkan nasib bangsa dan tidak pernah pudar di dalam dirinya. Suara batinnya terus bersuara demi masyarakat dan rakyat. Naluri sentiasa bersuara demi kebenaran dan berdiri di atas landasan kehidupan seorang rakyat. Muhammad Haji Salleh adalah penyair pengembara yang tidak lelah menjelajah kehidupan masyarakat di luar negara. Berikut merupakan kata-kata Muhammad Haji Salleh untuk renungan semua pembaca;

“...walau betapa canggih pun tamadun sesuatu bangsa itu ia memerlukan sastera itu ia memerlukan sastera untuk merakam kehidupannya, menggalurkan lorong dan arahnya, dan mengharapkan sasterawan untuk memberi pendapat tentangnya.....Sastera membina manusia yang berfikir dan beretika, manusia yang halus pertimbangannya, yang bersikap adil dan saksama, dan dapat membayangkan perasaan orang lain. Seorang pembaca yang baik mungkin lebih prihatin terhadap mereka yang harus melalui keperitan hidup, manusia yang peka kepada manusia dan persekitarannya. Manusia begini amat diperlukan untuk membina sebuah masyarakat atau dunia yang baik”

(Muhammad Hj Salleh, 2006: 612-613)

Begitu realitinya naluri kemasyarakatan yang dimiliki Muhammad Haji Salleh seorang intelek Melayu yang menjadi permata dunia kesusasteraan Melayu dalam srena antarabangsa.

## RUJUKAN

- Ali Imron Al- Ma' ruf. (2016). `Majas pada puisi “Tuhan, Kita Begitu Dekat” Karya Abdulhadi W.M: Kajian Stilistika. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, Jilid 4, Jan, 2016, p. 138-139.
- Ahmad Kamal Abdullah (1990). *Gagasan esei-esei puisi Melayu moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya et.al (2004). *Psikologi Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Baharudin Zainal. (Pysn) (1975). *Mendekati Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bertens. K. (2002). *Psikoanalisis Sigmund Freud*. Penerbit PT Gramedia: Jakarta.
- Ghazali Din, Abdul Halim Ali & Mohd. Azam Sulong. (2015). Konsep Komunikasi Dan Kepengarangan Muhammad Haji Salleh Berasaskan Model Teks naluri. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, Jilid 3, 2015, p.174-197.
- Ghiselin, Brewster. (1983). *Proses kreatif*. (Terj) Jakarta: Penerbit Gunung Jati.
- Haron Din (2015). *Manusia dan Islam*. Batu Caves, Selangor: PTS Millenia Sdn Bhd.
- Ida Roziana bt Abdullah & Abdul Halim Ali (2019) `Terapan Konsep Feminisme Talbiah Dalam Cerpen Akar Cinta Karya Aminah Mokhtar`, *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, Jilid 7, Jan, 2019, p. 47-85.
- June, E. Downey. (1929). *Creative imagination*. Edinburgh: The Edinburgh Press.
- Koentjaraningrat (1986) *Pengantar ilmu antropologi*. Jakarta: Angkasa Baru.
- Koestler, Arthur. (1976). *The act of creation*. London : Hutchinson & Co.
- Mana Sikana (2013). *Berdiri di akar diri: kritikan sastera Melayu moden*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia & Persatuan Penulis Nasional.
- McClelland, David C. (1987). *Human Motivation*. Cambrige: Cambridge University Press.
- Muhammad Haji Salleh (2008). *Sastera sebagai ruang bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (2014). *Jatuh ke laut menjadi pulau*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Muhammad Haji Salleh (2005). *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2005) *Asara Usia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (2006). *Menyeberang Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (2017). *Dunia ialah sebuah aksara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (2004). *Salju Shibuya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Siti Hawa Munji & Ma'rof Redzuan (1990). *Pengantar psikologi*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wallas, Graham. (1949). *The Art of Thought*. Great Britain: Richard Clay and Company.
- Rahayu Akhesah & Mohd Rosli Saludin. (2016). Seni artistik dalam persembahan puisi Rahman Shaari. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. Jilid 4, 2016, p. 195-213.
- Siti Hawa Munji & Ma'rof Redzuan. (1990). *Pengantar psikologi*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.